

Pasca merdeka menguji ekonomi

NOR FUAD ABDUL HAMID
& MOHD AZLAN ZAHARUDIN

Menyambut 31 Ogos ini, rakyat bakal meraikan Hari Kemerdekaan ke-60 negara. Sambutan ini sudah pasti merupakan satu manifestasi pencapaian gemilang untuk sesebuah negara.

Dalam tempoh hampir lima dekad, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah meningkat dari RM69 bilion pada tahun 1970, kepada RM1.23 trilion pada 2016.

Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi negara bagi suku pertama 2017 kekal stabil serta kukuh dan berkembang 5.6 peratus dengan pelaburan langsung asing (FDI) meningkat kepada RM17 bilion.

Namun, pertumbuhan KDNK Malaysia pernah menjunam kepada -7.359 peratus pada 1998. Nilai Ringgit turut merudum sehingga 50% berbanding kadar pertukaran dengan US Dolar sebanyak RM4.00/USD 1, pada 7 Januari 1998. Krisis yang membawa kesukaran kepada

negara terlibat dan menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan ini didapati berpunca daripada aktiviti-aktiviti spekulasi pedagang mata wang asing.

Bertentangan dengan strategi negara lain seperti Korea Selatan, Thailand dan Indonesia, Malaysia telah mengambil langkah berani untuk mengekalkan 'kedaulatan' negara iaitu dengan tidak menerima bantuan daripada International Monetary Fund (IMF). Meskipun langkah ini mengundang pelbagai kritikan daripada masyarakat antarabangsa, kerajaan tetap berpendirian teguh melaksanakan pendekatan pemulihan sendiri sehinggalah ekonomi Malaysia berjaya keluar daripada kemelut tersebut.

Bagi terus memperkukuh dan memacu ekonomi negara, kerajaan telah melancarkan pelbagai dasar dan inisiatif baharu termasuk Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi. Dasar dan inisiatif ini dilaksanakan untuk membolehkan Malaysia keluar

dari kepompong *middle-income trap*, seterusnya mencapai status negara berpendapatan tinggi seperti digariskan di bawah Wawasan 2020. Kini, enam tahun selepas pelaksanaan Program Transformasi Negara, jelas Malaysia berjaya melepasi perangkap pendapatan sederhana, dengan PNK per kapita USD10,0101 pada akhir tahun 2016.

Di tengah-tengah kesuraman ekonomi global yang secara umumnya masih lemah dan tidak menentu, Bank Dunia optimistik mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang 4.3 peratus tahun ini, lebih tinggi berbanding 4.2 peratus yang dicatatkan tahun lalu. Bagi mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan telah menobatkan 2017 sebagai Tahun Ekonomi Digital Malaysia dengan menubuhkan Digital Free Trade Zone. Inisiatif ini telah melengkapkan pelbagai program sedia ada yang berteraskan keusahawanan seperti Malaysian Global Innovation and Creativity Centre dan iMalaysia EnTrepeneurs (IMET) di bawah

Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

Kerajaan juga terus komited mengukuhkan kedudukan fiskal ekonomi negara dengan perbelanjaan berhemah, memperkenalkan program rasionalisasi subsidi dengan menumpukan kepada subsidi bersasar dan pelaksanaan GST untuk meningkatkan kecekapan dasar percukaian negara. Menerusi langkah ini, kerajaan dijangka dapat mengurangkan defisit bajet kepada 3.1 peratus pada tahun ini untuk mengekalkan defisit di bawah paras 3.5 peratus bagi tahun keempat berturut-turut.

Menghampiri 60 tahun sambutan kemerdekaan, terdapat banyak perkara yang wajar disyukuri rakyat Malaysia. Selaras dengan pendekatan Ekonomi Berpaksikan Rakyat, kerajaan menerusi pelbagai inisiatif seperti Bantuan Rakyat iMalaysia, Klinik iMalaysia, Kedai Rakyat iMalaysia, Perumahan Rakyat iMalaysia dan sebagainya yang memberi manfaat kepada rakyat, khususnya yang berpendapatan rendah atau lebih

dikenali sebagai isi rumah B40.

Projek Mass Rapid Transit (MRT) iaitu salah satu daripada National Key Result Areas (NKRA) di bawah inisiatif GTP, bersama dengan projek pemanjangan Light Rapid Transit (LRT), telah memanfaatkan hampir sejuta penumpang sehari.

Menanti tibanya detik ulang tahun ke-60 kemerdekaan, menyediakan ruang masa yang cukup baik untuk kita bermuhasabah diri, merenung cabaran dan pencapaian ekonomi negara. Banyak rakaman tentang kemelut, kesuraman, lonjakan dan transformasi ekonomi negara boleh dijadikan pedoman dan iktibar dalam melayari lautan gelora.

** Dr Nor Fuad Abdul Hamid ialah Ketua Kluster Pengajian Ekonomi dan Kewangan Awam Institut Tadbiran Awam Negara (Intan)*

** Dr Mohd Azlan Zaharudin ialah Perunding Latihan Kanan Kluster Pengajian Ekonomi dan Kewangan Awam Intan*